

**PERIBAHASA**  
**BAHASA MELAYU TINGKATAN 5**

Nama : .....

**Padankan peribahasa dengan maksudnya yang betul.**

|                                                             |                                                                                                                                  |
|-------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Di mana kemahuan di situ ada jalan.                      | Perkara yang sukar apabila kerap kali dilakukan, atau kerap kali berlatih akan terasa mudah dan menjadi mahir.                   |
| 2. Indah khabar dari rupa.                                  | Segala keperluan sudah ada, hanya menanti masa untuk melakukannya.                                                               |
| 3. Alah biasa tegal biasa                                   | Menurut sahaja kehendak orang lain.                                                                                              |
| 4. Seperti lembu dicucuk hidung                             | Sekiranya kita bersungguh-sungguh dalam satu perkara atau dalam menyelesaikan masalah, kita pasti akan berjaya menyelesaikannya. |
| 5. Perahu sudah di air, pendayung sudah di tangan           | Orang yang bodoh kalau ada kesungguhan mempelajari sesuatu lama-lama akan pandai juga.                                           |
| 6. Di mana ada gula di situ ada semut.                      | Kata sepakat tercapai dengan rundingan/perbincangan/mesyuarat.                                                                   |
| 7. Tiada beban batu digalas.                                | Sedikit-demi sedikit lama-lama berhasil juga.                                                                                    |
| 8. Belakang parang jika diasah nescaya menjadi tajam        | Orang yang bertuah mendapat keuntungan atau rezeki dari mana-mana sahaja.                                                        |
| 9. Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain.          | Sengaja mencari susah atau bahaya.                                                                                               |
| 10. Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat. | Perkhabaran yang terlalu dilebih-lebihkan daripada keadaan atau rupa yang sebenarnya.                                            |

*By : Cikgu Notee Harun @ SMK Seri Selayang*